



KENYATAAN TAWARAN
PELAWAAN TENDER

Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM) mempelawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

TAJUK TAWARAN	KOD BIDANG	MAKLUMAT TAWARAN	
TAJUK: CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN, KAWASAN SERTA KERJA LANDSKAP DI AKUATIK SELANGOR NO. TAWARAN: DEFM/AS/T-1/2026	221001 (Pembersihan Bangunan & Pejabat) dan 221002 (Membersih Kawasan) dan 221003 (Mengangkat Sampah)	Tarikh Buka Tawaran	17/07/2026 (Jumaat)
		Tarikh Tutup Tawaran	30/07/2026 (Khamis) Jam 12.00 tengah hari
		Harga Dokumen	RM 50.00

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN TAWARAN

- Kontraktor yang ingin menyertai Tawaran di atas adalah **DIWAJIBKAN** untuk berdaftar dengan DEFM. Untuk mendaftar, sila layari www.defm.com.my atau ke pautan: <https://forms.gle/rKM9CEN8gyXxycx69>
- Kehadiran bagi taklimat tender adalah **DIWAJIBKAN**. Butiran adalah seperti berikut:
Tarikh : 23/07/2026 (Khamis)
Masa : 2.00 petang
Tempat : Lobi Akuatik Selangor, Seksyen 13, Shah Alam
Dokumen perlu dibawa : Salinan SSM, MOF dan IC Pemilik / Surat Wakil
- Kontraktor yang berminat untuk mendapatkan Dokumen Tawaran dikehendaki untuk mengisi Borang Pembelian Dokumen Tawaran dan membuat pembayaran sebanyak RM 50.00 di pautan yang berikut: <https://forms.gle/dWz689UT39gbds8z9>
- Kontraktor akan menerima Dokumen Tawaran (*softcopy*) melalui talian di alamat e-mel yang telah didaftarkan di Borang Pembelian Dokumen Tawaran.
- Sebarang transaksi bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya Kontraktor gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Kontraktor hendaklah memastikan Dokumen Tawaran yang dimuat turun lengkap dan sempurna selaras dengan senarai kandungan yang disertakan di dalam dokumen. DEFM tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kontraktor cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen yang perlu dimuat turun dan sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.
- Kontraktor hendaklah mencetak dan menghargakan Dokumen Tawaran dengan lengkap dan kemas. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan mencatatkan Tajuk dan Nombor Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang ditetapkan di Pejabat DEFM yang bertempat di Aras Bawah, Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor **sebelum atau pada 30/07/2026 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
- DEFM tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran.